



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Meller Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Paskah 3 - 19 April 2026

Doa Hari Ini

Allah damai sejahtera, Engkau telah membangkitkan Tuhan kami Yesus Kristus iaitu Gembala Agung kawanan domba Allah, daripada antara orang mati dengan darah perjanjian yang kekal; sempurnakanlah segala pekerjaan kami untuk melakukan kehendak-Mu, dan kerjakanlah di dalam kami apa yang berkenan pada pandangan-Mu oleh Yesus Kristus Tuhan kami. Amin

Injil - Yohanes 20:19-23

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 2:14a, 36-41



**YOHANES 20:19 -
DAMAI SEJAHTERA
BAGI KAMU!**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.**:

- YouTube: [https://www.youtube.com/
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. SALAM PASKAH

"Tuhan telah bangkit!" "Sungguh, Dia telah bangkit!" Kiranya Yesus yang bangkit menjumpai kita di mana pun kita berada — dalam setiap luka, pergumulan dan harapan. Dia telah bangkit untuk memberikan hidup yang baru. Jangan ragu, datanglah kepada-Nya.



Siri Khotbah: 'Pertemuan dengan Yesus yang Bangkit' (Yoh 20 & 21)

- **19 Apr - 'Yang Ketakutan': Para Murid**
- 26 Apr - 'Yang Ragu-ragu': Tomas
- 3 May - 'Yang Berasa Malu': Petrus
- 10 May - *Hari Ibu*
- 17 May - 'Jadilah Berkuasa': Roh Kudus
- 24 May - Hari Pentakosta

2. MISI TIM PADUAN SUARA

Koir Ingeris kita, bersama Rektor dan keluarganya, kini melayani di Gereja St. Patrick, Tawau. Doakan agar pelayanan mereka memberkati dan menguatkan banyak orang. Mereka akan kembali pada petang hari ini.



3. SYABAS

Kelmarin kita telah menganjurkan CCL Games Cup bagi pertandingan bola keranjang 3 lawan 3 dengan penyertaan 12 pasukan pemuda dari pelbagai sekolah di sekitar kita. Tahniah kepada para pemenang, dan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang dari segi masa, usaha, dan penajaan. Tuhan dimuliakan.



4. PELAYANAN LAINNYA

- 30 Apr - **Perjamuan Kudus Rumah**. Sila hubungi pejabat gereja.
- 1 Mei - **Pusat Jagaan Harian ARK** bermula. Hubungi: 016-818 9013.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Hermin Sanda.

5. KONFERENSI gen-BREAK

Konferensi ini merupakan perhimpunan pelbagai generasi untuk seluruh keluarga gereja — menghimpunkan jemaah berbahasa Inggeris dan Cina merentasi setiap tahap kehidupan. Berasaskan semangat Mazmur 145:4, konferensi ini bertujuan untuk meneruskan iman dari satu generasi ke generasi seterusnya melalui penyembahan, Firman Tuhan, dan pertemuan yang dipimpin oleh Roh Kudus. Sesi BM pula diadakan secara berasingan di lokasi dan tarikh yang berbeza.



- **CHI & ENG - 30 Mei-2 Jun; di Katedral All Saints.**

Konferensi ini terbuka untuk muda-mudi, belia, dan dewasa. Pelbagai topik yang berkaitan dengan pertumbuhan pemuridan ditawarkan. Sila daftar. Boleh rujuk: '<https://genbreak.life/>'.

- **BM - 1-3 Jun; di Gereja St. Margaret, Keningau.**

Konferensi ini khusus untuk muda-mudi dan belia sahaja. Pelbagai topik tentang kehidupan ada disediakan. Sila mendaftar.



6. PUSAT ANGLIKAN MALAYSIA TIMUR (EMAC)

EMAC atau *East Malaysian Anglican Centre* ialah sebuah pusat asrama yang terletak di tengah-tengah Kuala Lumpur dan dimiliki oleh Diosis Malaysia Barat, yang khusus menyediakan penginapan untuk pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak. Satu sesi jelajah promosi akan diadakan oleh Chaplain EMAC bersama ahli jawatankuasa pada 25 April di Dewan Hosanna, Katedral All Saints Kota Kinabalu bagi meningkatkan kesedaran tentang pusat asrama ini. Sila bantu menyebarkan maklumat ini, dan tiada pendaftaran diperlukan.



7. TAHNIAH

Tahniah kepada Chester Eddy dan Siva Philip atas pertunangan mereka pada 18 April. Semoga Tuhan memberkati dan memimpin mereka dalam perjalanan seterusnya.



UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN
RHB Bank | 2-10103-0001913-1
Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Apr 20	Efe 4	Mz106	Jum, Apr 24	Flp 2	Mz 110
	Sel, Apr 21	Efe 5	Mz107	Sab, Apr 25	Plp 3	Mz 111
	Rab, Apr 22	Efe 6	Mz108	Ahd, Apr 26	Plp 4	Mz 112
	Kha, Apr 23	Flp 1	Mz109			

'Damai sejahtera bagi kamu' - Yoh 20: Untuk renungan & perbincangan:

- Pernahkah anda merasa takut atau tidak pasti tentang sesuatu sehingga memilih untuk "bersembunyi di sebalik pintu yang tertutup"? Bagaimana perasaan anda ketika itu?
- Para murid sedang dalam ketakutan, namun Yesus datang dan berdiri di tengah-tengah mereka sambil berkata, "Damai sejahtera bagi kamu" (ay.19). Apa yang dapat kita belajar tentang cara Yesus menemui kita dalam ketakutan dan ketidakpastian?
- Setelah melihat Yesus, para murid dipenuhi dengan sukacita (ay.20). Apakah yang telah berubah dalam diri mereka pada saat itu? Mengapakah perjumpaan dengan Yesus membawa perubahan yang begitu besar?
- Yesus berkata, "Sama seperti Bapa mengutus Aku, demikian juga sekarang Aku mengutus kamu" (ay.21). Apa maksudnya bagi orang percaya untuk diutus seperti Yesus? Bagaimanakah hal ini boleh kelihatan dalam kehidupan seharian?
- Yesus memberikan Roh Kudus dan mengutus mereka (ay.22). Dalam aspek apa Yesus mungkin memanggil anda untuk keluar dari ketakutan menuju damai dan melangkah dengan iman pada minggu ini?

UNTUK DIDOAKAN

Negara yang Kita Kasih

- Agar para pemimpin kita dapat membuat keputusan yang bijaksana dalam mengurus sumber dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat, khususnya dalam masa yang tidak menentu.

Komuniti Kristian yang Kita Kasih

- Agar setiap orang Kristian mengalami Yesus yang bangkit, dipenuhi dengan Roh-Nya, dan berkongsi kasih-Nya dengan keberanian.

Diri sendiri

- Agar Roh Kudus bekerja dengan penuh kuasa di dalam dan melalui anggota tim paduan suara kita ketika mereka melayani di Tawau. Doakan juga agar Tuhan memelihara dan melindungi mereka sepanjang perjalanan.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.